

SUBTEKS DAN KEJAYAAN NARATIF FILEM: ANALISIS FILEM *THE JOURNEY* (2014)

Auni Ismail
Zairul Anuar Md. Dawam
Sim Chee Cheang

ABSTRAK

Filem *The Journey* (2014) oleh Chiu Keng Guan telah memperoleh kutipan *box-office* sebanyak RM17.17 juta (Hasan Mutalib, 2014). Filem tersebut juga telah diiktiraf sebagai salah sebuah filem Malaysia bergenre drama yang berjaya mendapat sambutan baik di pawagam. Sejak itu, pelbagai pendapat telah dikemukakan bagi melihat faktor-faktor kejayaan filem Malaysia berbahasa Mandarin tersebut. Daripada aspek teknikal kepada plot dan *auteurship*, pelbagai aspek filem tersebut telah dikaji untuk meneliti kelebihan dan kejayaan filem ini. Artikel ini pula akan menganalisis aspek subteks atau “*intranarrative*” dan yang lebih terkini “*metanarrative*”. Subteks terma yang akan digunakan sebagai rujukan dalam artikel ini merupakan maklumat yang berkait, tetapi tidak dinyatakan dengan jelas seperti metafora yang membawa makna yang lebih mendalam tetapi tidak nyata. Ia merupakan penerokaan hal-hal tersirat yang boleh hadir melalui tema, dialog, ekspresi, suasana, konflik, tingkah laku dan simbol. Penggunaan subteks dalam filem boleh menentukan kejayaan sesebuah filem kerana ia mampu menjadi daya penarik dan meninggalkan impak kepada audiens. Walaupun filem *The Journey* ini mempunyai elemen teknikal seperti sinematografi yang baik, kajian ini mendapati elemen subteks dalam naratifnya merupakan aspek penting dalam meningkatkan minat audiens untuk menonton. Analisis akan membincangkan impak subteks dalam penceritaan seperti perwatakan, dialog dan tema dalam filem tersebut; seterusnya menarik minat dan respons positif daripada audiens.

Kata kunci: Filem, subteks, *The Journey*, impak subteks.

ABSTRACT

The Journey (2014), a film by Chiu Keng Guan has earned 18 million ringgit (Hassan Muthalib, 2014) in the box-office and is recognized as one of Malaysia's best-performing films based on its box-office collection. Since then, there have been many theories about the reasons for the success of this Mandarin drama. From the technical aspects to the plot and auteurship, various aspects of the film have been studied to uncover the advantage of the film. This article also focuses on the subtext or "intranarrative" aspects and the more recent "metanarrative" of the film. The term "Subtext" in this article refers to related information, but is not clearly stated as a metaphor that carries deeper meaning. It is an exploration of implicit things that can come through themes, dialogues, expressions, moods, conflicts, behaviors and symbols. The use of subtitles in the film can determine the success of the film as it is both entertaining and also leaves an impact on the audience. Although the movie "The Journey" is said to have good content, this study finds that subtext is an important aspect in improving the quality of storytelling. The analysis discusses the impact of the subtext within the storyline, characters, dialogues and themes of the film that encourage positive responses from the audience.

Keywords: Film, subtext, *The Journey*, subtext impact.

PENDAHULUAN

Menurut Pat Murphy (2007), subteks adalah istilah yang digunakan dalam kesusasteraan dan filem untuk menunjukkan implikasi dramatik di sebalik bahasa teks. Subteks berkaitan dengan idea dan emosi yang sama sekali bebas daripada bahasa teks. Sesuatu yang bersifat teks adalah yang boleh dilihat melalui mata kasar, sementara subteks perlu dilihat dan dirasakan oleh mata hati berdasarkan ilmu pengetahuan dan penghayatan seseorang pembaca atau audiens yang menonton sesebuah filem. Teks penting untuk menarik minat awal audiens untuk menonton sesebuah filem, manakala subteks pula untuk membawa audiens menerokai hal-hal yang tersirat menerusi tanda-tanda semiotik. Semiotik mendukung filem yang mengutamakan subteks berbanding teks dan biasa wujud dalam bentuk metafora aksi atau sebutan, simbol dan *mise-en-scene* dalam filem yang dibawa oleh pelakon dan *props* latar. Tugas seorang audiens adalah untuk membaca sistem tanda atau perlambangan dalam karya seni, sama ada karya sastera, filem atau lukisan dan cuba mentafsir makna yang ingin disampaikan. Ada kalanya aspek luaran sesebuah filem itu tidak menarik. Namun disebabkan subteks filem agak mencabar untuk ditafsir, maka menyebabkan sesetengah audiens tertarik dengan persoalan atau gagasan yang dibawa oleh filem itu. Dengan kata lain, audiens akan berpuas hati dengan pengalaman menonton sesuatu filem jika dia dicabar untuk berfikir dan mentafsir mesej yang ingin disampaikan.

Pengalaman berinteraksi semasa menonton filem sebagai salah satu faktor penting yang mempengaruhi audiens seni persembahan sudah dinyatakan oleh beberapa pengkaji. Antaranya seperti yang dikaji oleh Wirth, Hofer and Schramm dalam makalah mereka yang bertajuk “Beyond Pleasure: Exploring the Eudaimonic Entertainment Experience” (2012). Mereka mendapati bahawa salah satu elemen yang berkaitan dengan pengalaman positif audiens terhadap sebuah filem adalah kebolehan sebuah filem itu untuk membangunkan diri penonton (*self-development*) (Wirth, Hofer & Schramm, 2012: 407). Satu contoh yang diberi sebagai penjelasan adalah keinginan seseorang untuk mengetahui cara hidup orang lain yang memberi wawasan kepada individu yang menonton dalam menangani masalah kehidupan.

Apa yang dinyatakan oleh Wirth, Hofer dan Schramm (2012: 407) ini berkait rapat dengan tema filem *The Journey* yang cuba menangani tema konflik dalam pelbagai tahap watak. Konflik utamanya adalah pertembungan budaya yang berbeza. Konflik ini dipaparkan melalui konflik individu antara seorang bapa dan anak, serta antara pemikiran generasi muda dan tua. Plot filem *The Journey* bukan sesuatu yang kompleks. Ia sebenarnya sesuatu yang klise kerana pernah ditonjolkan oleh banyak filem mahupun siri televisyen sama ada drama Mandarin, Tamil dan Melayu di Malaysia.

Antara filem yang menonjolkan tema konflik pertembungan budaya antara budaya Barat dan Timur dari sudut Barat yang paling terkenal adalah filem klasik *Anna & the King* (1972) yang diarahkan oleh Andy Tennant. Perbezaan ketara antara kedua buah filem *Anna & the King* dan *The Journey* dalam penonjolan tema konflik pertembungan budaya ialah persepsi pengarah terhadap tema tersebut. Walaupun kedua-dua buah filem cuba meringankan konflik yang timbul akibat pertembungan budaya dengan adegan yang lucu, perspektif Andy Tennant jelas cenderung terhadap pemaparan pandangan Barat mengenai orang Asia khususnya orang keturunan Thai. Perkara ini jelas kelihatan melalui pemilihan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama untuk filem tersebut berbanding bahasa Thai. Berbanding filem tersebut, filem *The Journey* menggunakan pelbagai bahasa yang lebih menggambarkan kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Selain bahasa, filem tersebut juga menambahkan elemen realisme kepada isu konflik budaya melalui elemen subteks, menyebabkan filem tersebut telah memberi beberapa lapisan makna dalam satu tema yang dianggap klise sehingga menyebabkan filem itu menjadi sebuah filem yang menarik minat audiens.

ANALISIS SUBTEKS FILEM *THE JOURNEY* (2014) – TEMA DAN SEMIOTIK

Filem *The Journey* mengisahkan Uncle Chuan yang berpegang teguh pada adat lama. Beliau berasa kecewa apabila anak tunggalnya, Bee yang dihantar ke United Kingdom (UK) sejak berusia 12 tahun telah pulang bersama teman lelaki berbangsa Inggerisnya, iaitu Benji. Prejudis dan pandangan tradisional Uncle Chuan terhadap pilihan anaknya untuk berkahwin dengan seorang asing menyebabkan timbul konflik antara bapa dan anak. Walau bagaimanapun, disebabkan rasa kasih sayang seorang bapa, Chuan bersetuju tetapi dengan syarat mereka harus berkompromi dengan keinginannya untuk mengadakan majlis mengikut tradisi masyarakat Cina. Malah, cara mengundang tetamu juga adalah konvensional dan konservatif, iaitu mereka sendiri harus menyerahkan kad jemputan tidak kira di mana lokasinya. Lalu, bermulalah perjalanan Uncle Chuan dan bakal menantunya Benji merantau ke seluruh tempat di Malaysia. Tanpa mereka sedar, penjelajahan itu bukan sekadar misi jemputan ke kenduri kahwin, sebaliknya perjalanan mereka mengenal diri dan satu sama lain. Jalan cerita filem ini secara umumnya mudah difahami dan dipenuhi konflik berkaitan pertembungan dua budaya, iaitu budaya Barat dan Cina.

Penggunaan tajuk '*The Journey*' itu sendiri memberikan satu gambaran yang besar terhadap cerita. Banyak gambaran yang telah diberikan terhadap tajuk filem ini sendiri. Jika diteliti dari awal hingga akhir cerita, tajuk filem ini memaparkan tujuan dan maksudnya yang ingin disampaikan. Metafora "Perjalanan" (*The Journey*) merujuk kepada pelbagai "perjalanan" hidup dalam filem ini. Perjalanan untuk menghantar kad jemputan membawa Uncle Chuan dan Benji berhadapan dengan konflik perbezaan budaya, perbezaan harapan terhadap keluarga dan masyarakat. Dengan menggunakan montaj, perjumpaan dengan Fatimah iaitu kawan baik Uncle Chuan semasa di sekolah rendah dan seorang lagi bomoh Cina bersama anak lelaki serta cucu sempena perayaan Ti Kong iaitu penyembahan bulan pada hari ketiga Tahun Baru Cina, menimbulkan rasa bangga dalam kalangan audiens terhadap semangat muhibah dan kepelbagaian budaya masyarakat di Malaysia. Rasa bangga ini dipaparkan apabila dunia Barat diwakili Benji melihat peristiwa ini sebagai sesuatu yang unik dan menarik. Malah, kehairahan dalam mengejar kebendaan atau bersikap materialistik telah mengubah realiti dan sikap generasi sekarang. Mereka tidak lagi mementingkan adat lama seperti penghantaran kad jemputan perkahwinan dengan tangan yang memberi makna kepada hubungan silaturahim.

Subteks yang telah digunakan oleh pengarah filem ini, Chiu Keng Guan untuk menghantar mesej-mesej melalui tema perbezaan tidak sahaja dihadkan kepada perwatakan, tetapi juga latar budaya seperti Perayaan Ti Kong di Pulau Pinang. Malah, pemaparan mesej ini dilakukan melalui adegan lucu pertembungan budaya Barat dan Timur dalam perbicaraan antara anak kepada kawan bomoh Uncle Chuan dan Benji. Watak Benji dan anak bomoh berbincang tentang harapan masa hadapan mereka di mana anak bomoh itu menyatakan hasrat untuk mendapat seorang bayi lelaki demi menyempurnakan keluarganya. Perkongsian maklumat dan pergaulan mesra sekeluarga termasuk menantu mereka membuka mata Benji tentang kepentingan unit keluarga dan perkahwinan kepada masyarakat Cina di Malaysia. Jelas bahawa “perjalanan” hidup merujuk juga kepada kesedaran dan kefahaman Benji terhadap kepentingan dalam budaya Timur iaitu muhibah, kesepaduan keluarga dan waris dalam perkahwinan.

Menurut David Boboulene (2010), subteks yang terkandung dalam filem boleh dilakukan melalui dialog, peristiwa, simbol, latar malah boleh dilihat melalui konflik watak itu sendiri. Menurutnya lagi, karya yang baik kebanyakannya datang dari pengalaman hidup pengkarya yang melaluinya. Isi filem diangkat daripada sebuah fenomena dan kejadian yang terjadi di sekeliling kita. Proses pemahaman subteks dalam filem adalah menerusi penontonan, seterusnya menginterpretasikan dalam bentuk penulisan. Ia dapat difahami melalui pemahaman yang kompleks terhadap budaya, tempat, masa, masyarakat, politik dan undang-undang dan spiritual seperti yang dibincangkan. Dalam kajian ini, penulis melihat subteks sebagai elemen yang menyebabkan kejayaan karya filem tersebut kerana ia mampu menyebabkan audiens berasa dekat dengan subjek serta persoalan yang dialami oleh protagonis filem tersebut.

Subteks yang muncul dalam dialog dan perlakuan antara watak-watak yang membawa tema filem tersebut membantu mencetuskan sesuatu realiti yang pahit. Namun, ia boleh diterima oleh audiens yang menonton kerana wujud banyak elemen kelucuan dalam adegan filem ini. Contohnya, walaupun Uncle Chuan dan Benji tidak boleh berkomunikasi, mereka dapat bekerjasama untuk menghantar kesemua kad jemputan. Perbezaan pemikiran muncul apabila Benji disuruh menukar baju-T baju yang dibeli di pasar sebelum singgah di rumah Fatimah kerana berbaju kemas merupakan satu tanda hormat kepada orang yang diziarahi. Pengarahnya, Chiu Keng Guan berjaya mengelak elemen klise apabila menimbulkan elemen kelucuan dalam adegan tersebut. Ia jelas dilihat melalui adegan kain baju Benji yang serupa dengan kain sofa di rumah Fatimah, sehingga menyebabkan Benji dipanggil “abang sofa” oleh budak kecil di perkampungan Fatimah. Cara mereka berdua menyelesaikan masalah tanpa memahami satu

sama lain bukan sahaja menyentuh hati audiens, namun dipaparkan dalam bentuk yang lucu atau kelakar. Penyelesaian konflik pertembungan budaya antara watak Uncle Chuan dan Benji telah dilakukan dalam bentuk yang lucu. Di pertengahan perjalanan mereka, Benji kehilangan dompet menyebabkan Uncle Chuan terpaksa menunggang motosikal Benji dan akhirnya mereka terpaksa menukar motosikalnya kepada sebuah kereta kerana Uncle Chuan mengalami sakit belakang. Pelbagai adegan yang memaparkan konflik, perkembangan watak dan penyelesaian ini dilakukan secara santai dan mencuit hati pelbagai golongan audiens.

Kajian mendapati tajuk *The Journey* ini juga merujuk kepada perubahan dalam budaya masyarakat Cina. Pengarah filem cuba menyatakan ia adalah satu pengembaraan masyarakat Cina terhadap penerimaan budaya kontemporari dalam menggantikan budaya konservatif yang sudah dianggap tidak sesuai atau fungsional. Melalui filem ini, konsep budaya telah diketengahkan seawal permulaan cerita melalui kehidupan Uncle Chuan yang sangat berpegang kepada budaya dan adat masyarakat Cina. Pengamalan budaya dalam kehidupan Uncle Chuan dapat dilihat sepanjang cerita tersebut dimainkan seperti menyambut perayaan Tahun Baru Cina, melarang anaknya Bee dan Benji sebilik sebelum berkahwin, menghantar kad perkahwinan dengan tangan dan sebagainya. Kesemua ini adalah cara hidup yang diamalkan seharian berpandukan budaya dan adat-adat yang telah diwarisi turun-temurun. Ia menggambarkan masyarakat Cina yang berpegang teguh kepada adat. Namun, dalam filem dipaparkan proses perubahan dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia. Mereka kini mula menerima budaya kontemporari dan menyesuaikan dengan perubahan persekitaran. Perkara ini ditunjukkan apabila Uncle Chuan mula menerima perkahwinan campur antara anaknya dan Benji yang berketurunan Inggeris. Resonans penghijrahan ini sengaja dilakukan sebagai subteks filem *The Journey*. Dalam masyarakat Cina, sesuatu perkahwinan itu dirancang dan diatur sebaik-baiknya mengikut peraturan adat lama seperti pemakaian warna merah untuk pengantin dan penerimaan berkat dari ibu bapa sebelum perkahwinan bermula. Mengikut kepercayaan mereka juga, pasangan yang berkahwin tanpa mengikut aturan adat dianggap tidak sah. Menurut Dikotter (1992), pandangan orang Cina terhadap kahwin campur (Barat) dianggap boleh mencemarkan ketulenan ras dan seterusnya membawa kehinaan. Sikap ini jelas mempamerkan prejudis sosial dan juga kebanggaan orang Cina terhadap keturunannya. Masyarakat Cina di Malaysia mengekalkan identiti komuniti yang amat ketara bezanya dengan kaum lain serta jarang berkahwin campur dengan orang asing. Melalui kajian yang telah dilakukan oleh Zahir Zainudin, adat ini masih diamalkan oleh masyarakat Cina zaman sekarang tetapi bilangannya

semakin berkurangan. Oleh itu, audiens masyarakat Cina tertarik dengan cara Chiu menangani konflik yang timbul dalam keluarga apabila kebanggaan ras mereka tercabar oleh generasi muda seperti Bee. Bee mewakili generasi muda yang dididik di UK, yang tidak menyokong pandangan generasi tua yang masih percaya pada ketulenan ras dalam perkahwinan. Soal identiti hibrid membawa audiens generasi muda ke satu paras aktualisasi sendiri, iaitu memahami konflik dan belajar cara untuk menangani konflik tersebut (Vorderer, Steen & Chan, 2006) selepas menonton filem ini. Audiens generasi muda masyarakat Cina tertarik dengan cabaran ini kerana sememangnya mendekati realiti kehidupan mereka yang selalu berkonflik dengan ibu bapa generasi tua akibat pendidikan Barat yang diperoleh oleh generasi muda masyarakat Cina di Malaysia.

Perubahan yang dialami oleh masyarakat Cina dipaparkan secara visual dan fizikal melalui penerbangan belon besar yang diambil oleh Uncle Chuan demi membuang sisa mayat kawan baiknya selepas upacara pembakaran. Belon yang diperbuat daripada plastik melambangkan satu hasil daya usaha bersama Uncle Chuan dan juga masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa dengan pengaruh Barat yang diwakili Benji. Secara tersirat, perubahan yang dialami oleh masyarakat Cina merupakan satu perubahan mikro yang mencerminkan perubahan sejagat rakyat Malaysia. Seperti perjalanan belon Uncle Chuan yang tersangkut, perubahan tidak boleh berlaku jika kita asyik mendukung zaman silam kita. Perlambangan ini dipaparkan melalui watak Uncle Chuan yang memegang sisa mayat kawannya yang sudah meninggal. Seterusnya, mesej tersirat filem ini dipaparkan melalui perhentian di pokok “pondan” yang sebelum ini tidak pernah berbunga. Namun, perubahan telah berlaku apabila pokok “pondan” tersebut telah mula berbunga.

Jelas bahawa di samping menghiburkan audiens, filem ini berperanan sebagai medium yang mendidik masyarakat melalui temanya seperti yang dinyatakan oleh Hassan Mutalib kerana manifestasi budaya yang digunakan untuk mendidik manusia disampaikan melalui subteks. Jason J. Tomaric (2008) menyatakan bahawa kajian filem memperlihatkan bagaimana sesebuah filem itu berfungsi dalam memberikan makna dan pengajaran terhadap visual yang dipersembahkan. Penggunaan subteks banyak mempengaruhi penghasilannya di mana ia dapat menghasilkan sebuah filem yang berkualiti dan seterusnya memperoleh kutipan yang tinggi.

Subteks melalui Syot dan Pembentukan Adegan

Pada permulaan cerita, subteks dilihat pada syot bagi pembentukan adegan filem iaitu pada minit ke 07:05. Adegan ini menunjukkan Benji dan Bee telah diserang oleh penduduk kampung di rumah ayah Bee sendiri kerana disangka hendak mencero bohi rumah Uncle Chuan (Rajah 1). Syot yang memaparkan penduduk memegang benda tajam seperti cangkul dan besi menunjukkan sesuatu yang merbahaya. Tindakan penduduk kampung dilakukan kerana mereka tidak mengenali Bee dan Benji yang dianggap sebagai orang luar. Bee tidak lagi dikenali kerana sudah lama tidak pulang ke kampung. Subteks menunjukkan bahawa tindakan penduduk kampung menyambut kedatangan mereka yang dianggap sebagai orang luar adalah seperti musuh. Apatah lagi kepulangan Bee adalah bersama Benji, iaitu pemuda Inggeris. Menurut Lee Yok Fee (2003), stereotaip orang Cina tentang orang asing boleh dilihat secara demonologi dan teratologi, iaitu menyifatkan orang asing sebagai *barbarian*, hamba, hantu atau syaitan. Mereka menganggap orang asing sebagai musuh. Anggapan sedemikian bertujuan mengukuhkan identiti orang Cina. Orang Cina menamakan orang berkulit putih sebagai *baigui* (hantu putih). Audiens yang terdiri daripada pelbagai generasi masyarakat muda dan tua akan “mengenali” diri sendiri antara generasi muda dan tua pada syot ini. Mereka juga dapat melihat konflik yang mungkin dialami oleh mereka sendiri dan seterusnya membanding subteks pada layar dengan pengalaman mereka sendiri yang akan mencetuskan satu emosi mendalam.



Rajah 1 Bee dan Benji diserang oleh penduduk kampung

Selain itu, subteks melalui syot juga dapat dilihat pada minit 11:06 di permulaan filem. Benji yang mewakili budaya urban atau asing bertemu dengan Uncle Chuan yang mewakili budaya adat lama atau ketimuran. Benji pada awalnya menolak adat budaya amalan yang diamalkan Uncle Chuan dan akhirnya dia sedar amalan konservatif masih rasional diamalkan kerana budaya ketimuran menekankan konsep hubungan antara ibu bapa dan anak. Bagi masyarakat Cina, mereka sangat menitikberatkan hubungan kekeluargaan. Peranan ahli keluarga dalam budaya Cina terutamanya hubungan antara ayah dan anak adalah

hubungan yang paling diutamakan. Ayah merupakan orang paling berkuasa dalam sesebuah keluarga Cina. Ahli keluarga yang lebih berusia berkuasa untuk membuat kebanyakan keputusan dan melakukan pengurusan yang berkaitan dengan keluarganya. Walaupun mereka hidup dalam sekeluarga yang terdiri daripada banyak generasi, mereka harus hidup dalam harmoni seperti yang dilihat dalam keluarga kawan bomoh Uncle Chuan. Hal ini demikian kerana ingin menghormati nenek moyang mereka dan sebagai salah satu penghargaan kepada nenek moyang. Oleh itu, tindakan Uncle Chuan menghantar kad jemputan dengan tangan kepada kawan harus diterima oleh Benji kerana ia merupakan satu budaya dan adat turun-temurun yang diamalkan oleh masyarakat Cina.

Seorang anak muda juga perlu menghormati ahli tertua dalam keluarga. Ia dilakukan melalui syot di mana Benji memberi kepala ayam kepada Uncle Chuan, menyebabkan Uncle Chuan marah kerana Benji kurang faham bahawa kepala ayam itu bukan satu bahagian yang dihargai jika dibandingkan dengan paha ayam. Subteks syot yang menunjukkan kepala ayam ini hanya akan difahami oleh audiens masyarakat Cina dan Asia. Budaya makanan masyarakat Cina mahupun Asia berkaitan dengan hubungan keluarga seperti antara bapa dan anak perlu diutuhkan. Syot filem yang menunjukkan geseran antara budaya Barat dan Timur menolong mencetuskan refleksi lebih mendalam pada audiens yang rata-rata terdiri daripada masyarakat berlapisan jenis ras, umur dan bangsa Asia. Isu konflik budaya dinaikkan dalam subteks syot-syot sempena membina ketegangan yang memuncak apabila Bee memberitahu Benji bahawa dia mesti berkahwin kerana sudah hamil. Kemuncak itu menandakan perubahan Benji terhadap permintaan Uncle Chuan dan Bee. Subteks yang keluar daripada syot di mana latar ialah gambar lama keluarga Bee kepada perbincangan hangat antara Bee dengan Benji menggariskan arah penyelesaian konflik pertembungan budaya filem ini (Rajah 2).



Minit 11:06



Minit 21:54




Minit 81:59

Rajah 2 Adegan menunjukkan adegan Bee dan Benji tentang kepentingan sikap berkompromi

Syot-syot sentimental penuh dengan subteks sengaja digunakan untuk mendapat respons audiens seperti pada minit ke-30:33 (Rajah 3). Adegan ini

memaparkan suasana waktu senja dengan siluet imej Benji dan Uncle Chuan berdiri di sudut kiri di atas feri. Kelihatan feri tersebut bergerak ke kanan dengan permukaan air yang tenang. Persekitaran senja, siluet imej Benji dan Uncle Chuan walaupun masih belum pasti, menunjukkan sesuatu yang positif telah dicapai oleh mereka sepanjang pengembaraan mereka berdua. Bagi Uncle Chuan, beliau sedar yang bakal menantunya bukan berasal dari keluarga Cina, maka dia perlu menerima hakikat yang usianya semakin tua (senja). Mereka perlu belayar bersama-sama untuk berlabuh di destinasi yang sama walaupun berbeza dari aspek budaya, usia, bahasa dan latar belakang.



Rajah 3 Syot siluet menunjukkan watak Benji dan Uncle Chuan dalam feri

Menurut Lok Chong Hoe (1998), sejak satu abad, dua jenis cara hidup dan corak pemikiran telah bersaing untuk mempengaruhi orang-orang Cina. Satu daripadanya ialah cara hidup dan corak pemikiran yang berasal dari Barat. Satu lagi ialah cara hidup dan corak pemikiran yang berasal daripada nenek moyang orang-orang Cina. Seratus tahun yang lepas, setiap orang Cina akan memilih cara hidup dan corak pemikiran yang berasal daripada nenek moyang orang-orang Cina. Namun dalam soal keluarga, kebahagiaan perlu dicapai demi kelangsungan generasi mereka. Dalam hal ini, Uncle Chuan harus menerima Benji sebagai menantunya kerana dia sedar usianya akan tamat dalam masa yang terdekat. Oleh itu, demi meneruskan generasi mereka, Uncle Chuan harus menerima Benji demi menjamin kebahagiaan anaknya, Bee. Subteks dalam syot sentimental ini meringkaskan sesuatu yang sudah dijangka audiens. Ia juga bertujuan mengelakkan kebosanan audiens dalam menonton sebuah filem bergenre drama yang selalunya bersifat melodrama. Malah, ringkasan penyelesaian konflik memberi ruang kepada pengarah untuk mempelopori isu berlainan tema filem dan menjadikannya di luar jangkaan audiens.

Syot pendek imbas kembali juga mengelakkan timbulnya perasaan klise kerana subteks pada syot lakaran rumah minit 49:30 menjelaskan ketegangan antara pak cik dan anaknya. Adegan yang menunjukkan Uncle Chuan memaksa Bee mengikut ibu saudaranya ke UK sudah cukup untuk menjelaskan perasaan

dendam dalam hati Bee terhadap bapanya. Dalam adegan ini, Bee ketika kecil dilihat melukis sebuah rumah di cermin kereta milik ibu saudaranya (Rajah 4). Subteks yang terdapat pada lakaran rumah itu adalah perspektif Bee terhadap ayahnya. Bee melihat ayahnya dari satu sudut perspektif sahaja, iaitu ayahnya memaksa dia belajar di tempat yang jauh. Namun, sebaliknya ayahnya melihat dari sudut yang jauh. Dia menginginkan Bee berjaya, jauh di sudut hatinya dia sangat menyayangi Bee lebih dari segalanya. Menurut kepercayaan orang Asia, peranan bapa merupakan satu perkara yang sangat penting dalam sesebuah keluarga dalam membentuk anak-anak. Hubungan antara ayah dan anak merupakan hubungan paling diutamakan dalam keluarga tradisional mahupun keluarga Cina di mana seorang bapa bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan seperti pendidikan dan menanggung segala perbelanjaan anaknya sehingga anaknya berkahwin. Uncle Chuan sebagai ketua keluarga berasa dia telah memenuhi tanggungjawabnya tetapi bagi pandangan Bee, ayahnya hanya mementingkan diri tanpa mempedulikan perasaannya yang ingin tinggal bersamanya. Namun, atas sifat kebapaan Chuan dan rasa tanggungjawabnya terhadap Bee, dia nekad untuk menghantar Bee ke luar negara. Subteks daripada syot-syot retrospektif tersebut tidak disebut dengan nyata dalam dialog cuma disiratkan dalam bentuk visual melalui lukisan-lukisan Bee masih kecil dan selepas dia kembali menolong melukis gambar bapa serta kawan-kawannya. Audiens diberi peluang untuk membongkar makna tersirat yang disembunyi dalam perlakuan watak dan cantuman satu syot dengan syot dalam adegan seterusnya.



Rajah 4 Syot menunjukkan lakaran rumah yang dilukis oleh Bee

Salah satu kelebihan ketara dalam filem ini adalah cara pengarah yang menyebabkan audiens tidak dapat menjangka semua cara penyelesaian konflik dalam filem itu. Audiens dicabar untuk memahami subteks dalam setiap adegan dengan teliti yang menghilangkan kebosanan. Contohnya pada minit ke 68:41, Uncle Chuan enggan memberi penghormatan terakhir kepada rakannya yang dikenali dengan panggilan Si Khinzir kerana mengikut masyarakat Cina, seorang yang akan merayakan sebuah perkahwinan tidak boleh hadir untuk sesuatu majlis kematian. Saat perubahan pemikiran Uncle Chuan dilihat dalam adegan di mana dia berdiri di seberang jalan tempat majlis kematian Si Khinzir sedang

berjalan dan tidak mahu mengambil langkah untuk melawat Si Khinzir untuk kali terakhir walaupun Si Khinzir adalah kawan karibnya selama 50 tahun. Subteks percanggahan yang sedang berlaku dalam Uncle Chuan dilakukan melalui Benji yang cuba memujuk Uncle Chuan untuk pergi ke majlis kematian itu dengan menggunakan cucu Si Khinzir sebagai penterjemah. Elemen kelakar dalam penterjemahan salah semua alasan Benji menambah kepada kepedihan saat itu di mana Uncle Chuan yang mewakili adat tradisional mesti memilih untuk mengetepikan adat demi persahabatan. Audiens masyarakat Cina akan memahami dengan lebih mendalam kepedihan Uncle Chuan kerana mereka mengenali adat resam yang berkaitan dengan soal-soal kematian. Bakal pengantin tidak digalakkan untuk menghadiri majlis pengebumian selama tiga bulan sebelum atau selepas majlis perkahwinan dilaksanakan. Menurut kepercayaan masyarakat Cina, jika bakal pengantin menghadiri majlis pengebumian, perkara yang tidak baik akan berlaku. Bagi audiens golongan tua, mereka sangat mengambil berat terhadap pantang larang supaya anak cucu mereka tidak mengalami nasib yang malang. Uncle Chuan tidak melawat atau masuk ke dalam upacara kematian kerana dia yakin ia akan membawa mujarab kepada perkahwinan anaknya. Demi memastikan majlis perkahwinan anaknya berjalan dengan lancar, Uncle Chuan memilih untuk tidak menyertai upacara kematian sahabatnya walaupun dimarahi oleh anak dan bakal menantunya. Pegangannya terhadap kepercayaan mengatasi segala-galanya.

Seterusnya pada minit 41:56 adalah adegan Uncle Chuan dengan jiran Low Boon Cheng (Si Kambing – seorang gadis muda). Kelihatan jiran Si Kambing bercakap dengan Uncle Chuan dalam keadaan pagar membatasi mereka menunjukkan generasi muda dan tua sudah tidak sependapat (Rajah 5). Uncle Chuan mewakili generasi tua yang masih mengamalkan budaya ketimuran iaitu bercakap dengan sopannya meminta pertolongan jiran, manakala jiran bernama Si Kambing yang lebih muda tidak memahami adat tersebut, malah menganggap dirinya dalam keadaan yang merbahaya apabila Uncle Chuan cuba bertanya padanya tentang jirannya Si Kambing. Masyarakat sekarang dilihat tidak lagi mengamalkan budaya bermasyarakat dan hanya mementingkan diri sendiri. Golongan muda dan tua kini tidak lagi sependapat. Seperti semua adegan yang menyentuh tema konflik budaya antara generasi, pengarah cuba meringankan kritikan sosial dengan memperkenalkan unsur lucu dalam perlakuan watak jiran tersebut. Audiens generasi muda boleh menerima kritikan tersebut kerana digalakkan untuk ketawa pada diri kita sendiri selepas melihat perlakuan jiran muda Si Kambing asyik mengunci pintu pagar bila melihat Uncle Chuan datang.

Subteks yang mengandungi pengajaran tidak disampaikan secara didaktik tetapi sengaja diringankan supaya audiens tidak rasa tersinggung atau bosan. Secara konseptualnya, kaum tua ini sangat berpegang kepada tradisi konservatif dan mempunyai matlamat untuk mempertahankan yang lama, sebaliknya pula bagi kaum muda yang mengamalkan konsep modenisme yang lebih bersifat kebaratan. Golongan ini menurut William Roff (1967) dikategorikan sebagai golongan pembaharuan ataupun reformis. Pengajaran ini berlaku sebagai satu pengamatan kepada situasi konflik yang terjadi yang kadang-kadang tidak dapat dilihat dari sudut pandangan seorang sahaja. Subteks yang disampaikan menggalakkan audiens untuk saling memahami dan mencari penyelesaian kepada konflik tersebut.



Rajah 5 Syot menunjukkan adegan perbualan antara Uncle Chuan dan jirannya Si Kambing yang dipisahkan oleh pagar

Subteks melalui Dialog

Subteks dalam dialog juga dapat digambarkan antara Benji dan Bee pada minit 81:21, iaitu Benji menyatakan yang beliau sekarang sudah pandai makan menggunakan penyepit berbanding sudu dan garfu (Rajah 6). Subteks yang dapat ditafsirkan di sini ialah dia lebih mengenali erti kasih sayang antara ibu bapa dan anak melalui pengembaraannya dengan Uncle Chuan. Pada awalnya, Benji melihat Uncle Chuan sebagai seorang yang konservatif dan kolot, namun sekarang dia mula menyedari bahawa amalan konservatif yang diamalkan mampu meninggalkan impak rohani dalam menjaga hubungan antara ibu bapa dan anak.



Rajah 6 Dialog Benji dan Bee yang menunjukkan Benji secara perlahan-lahan telah mula menerima adat Cina

Malah, penerimaan Benji terhadap budaya masyarakat Cina juga dikukuhkan dengan dialog Bee yang menyatakan bahawa ayahnya telah mencapai kemenangan (Rajah 7).



Rajah 7 Bee mengakui bahawa ayahnya telah mencapai kemenangan

Selain daripada pesanan Uncle Chuan kepada anaknya pada hari perkahwinan di bilik, lirik lagu Benji juga menggariskan perasaan hormatnya terhadap adat tradisional Cina yang dia sudah alami sepanjang “perjalanannya”. Lirik lagu Benji menunjukkan bahawa dia memahami bahawa perkahwinan penting untuk mengekalkan institusi keluarga dan melalui keturunan nenek moyang dapat diteruskan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Dalam masyarakat Cina, sesuatu perkahwinan itu dirancang dan diatur sebaik-baiknya. Mengikut kepercayaan mereka juga, pasangan yang berkahwin tanpa mengikut aturan adat dianggap tidak sah. Tindakan Uncle Chuan mahu mengedarkan kad kahwin

kepada rakan-rakannya merupakan satu tindakan yang konservatif, namun mampu membuat Benji menghormati sifat kebapaan Uncle Chuan walaupun tidak menyetujui perkahwinan anaknya dengan orang asing, dia masih bangga akan anaknya yang sudah besar dan ingin berkahwin.

Sebuah adegan yang kreatif dan mempunyai lapisan subteks adalah dalam adegan di mana dialog dalam bahasa berlainan dapat menyampaikan mesej bahawa pengetahuan sesuatu bahasa bukan kunci kepada masalah kehidupan. Dalam *The Journey*, dipaparkan adegan komunikasi tiga hala antara Uncle Chuan, Benji dan anak kecil “penterjemah” untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ia dilakukan dalam adegan Benji meluahkan perasaa terhadap Uncle Chuan yang enggan menghadiri majlis pengebumian kawan baiknya di seberang jalan. Akibat masalah bahasa, Benji memohon pertolongan anak kecil yang mempunyai pemahaman asas dalam bahasa Inggeris untuk menterjemah segala yang ingin disampaikan kepada Uncle Chuan. Subteks tidak sahaja menyampaikan kegagalan untuk memujuk Uncle Chuan akibat kekangan bahasa tetapi kegagalan untuk mendapat persefahaman antara budaya, generasi dan bangsa yang berlainan. Adegan yang mempunyai elemen lucu ini menyerlahkan lapisan makna yang menyebabkan audiens tertarik dengan pendekatan pengarah yang dilakukan.

Subteks melalui Kostum

Subteks juga dapat dilihat pada kostum yang dipakai oleh watak dalam filem ini. Pada minit 07:44, terdapat pengenalan watak Benji. Benji memakai baju panas dan membuka baju tersebut dengan memakai baju-T yang bertulis ‘London’ (Rajah 8), menunjukkan pengenalan watak kepada Benji yang berasal dari London dan Benji juga mengamalkan budaya Barat, bertentangan dengan keluarga Uncle Chuan yang lebih ketimuran. Ia merupakan permulaan pengenalan bagi konflik budaya. Budaya Barat dan Timur mempunyai perbezaan yang amat ketara. Menurut Spengler (1993), kebudayaan merupakan aspek bertingkat yang membezakan antara budaya Barat dan Timur. Sifat budaya Barat yang lebih terbuka berbanding masyarakat Timur yang mempunyai adat yang diwarisi dari nenek moyang menunjukkan perbezaan itu adalah sesuatu yang perlu dilihat dari aspek personaliti, pakaian, makanan dan sebagainya. Masyarakat Cina mempunyai adat dan pantang larang yang agak unik. Kepentingan adat resam dalam hidup masyarakat tidak kira bangsa apa sekali pun tidak dinafikan. Tindakan Benji memakai pakaian baju-T dan berseluar jeans itu menunjukkan sesuatu yang bertentangan bagi masyarakat Cina. Subteks pakaian bukan sahaja bertindak sebagai satu petanda perbezaan tetapi sebagai tanda perubahan dalaman setiap watak. Contohnya, watak Benji yang bermula dengan pakaian baju-T

yang bertukar kepada baju kemeja yang sama dengan kain sofa kemudian pada pengakhirannya, Benji berpakaian sut dengan *bow-tie* merah seperti orang Barat yang disanjung masyarakat Cina semasa majlis perkahwinan.



Rajah 8 Adegan Benji menunjukkan dia berasal dari London kerana terdapat perkataan ‘London’ di bajunya


Di awal pengembaran Benji dan Uncle Chuan pada minit 30:28, Benji memakai baju yang bertulis ‘I Climbed the Great Wall’ (Rajah 9). Subteks yang dapat dilihat menerusi baju ini ialah perasaan Benji yang sedar dengan cabaran dalam memikat hati bakal bapa mentuanya. Uncle Chuan digambarkan seperti tembok besar yang sukar untuk didaki. Walau bagaimanapun, cabaran ini tetap dilakukan Benji kerana di sebalik tembok yang besar dia pasti mendapat sesuatu yang berbaloi iaitu restu Uncle Chuan. Masyarakat Cina sangat teguh terhadap pendiriannya kerana mereka sangat mengutamakan identiti bangsa. Benji sedar yang dia telah mengalami konflik budaya antara dia dan Uncle Chuan. Pegangan masyarakat Cina terhadap budaya mereka adalah sangat kuat. Benji mengalami asimilasi semasa yang berusaha menerima cara dan budaya yang jauh berbeza dari budayanya. Pengamalan budaya dalam kehidupan Uncle Chuan dapat dilihat sepanjang cerita seperti menyambut Tahun Baru Cina, melarang Bee dan Benji berada dalam satu bilik, menghantar kad perkahwinan dan sebagainya. Tindakan Uncle Chuan yang tidak ingin berubah dapat dikesan melalui subteks filem di mana baju Uncle Chuan tidak banyak berubah berbanding dengan baju Benji dan Bee. Jelasnya, apa yang tidak dilakukan dan tidak disebut dalam dialog juga membawa impak kepada filem ini melalui subteks tersembunyi.



Rajah 9 Baju yang dipakai Benji yang memaparkan perkataan ‘I Climbed the Great Wall’

Subteks melalui Props

Subteks juga dapat dilihat melalui props dalam filem *The Journey* seperti jam tangan milik Uncle Chuan, papan peringatan dan bekas abu di atas sebuah pada adegan pada minit 07:20 (Rajah 10). Hal ini menjelaskan bahawa penantian Uncle Chuan selama ini sudah tiba. Anak perempuan Uncle Chuan iaitu Bee yang selama ini berada di London sudah pulang ke rumah. Jam menggambarkan Uncle Chuan sentiasa menunggu kepulangan anaknya. Tindakannya meletakkan jam di hadapan abu ‘isteri dan nenek moyang’ menggambarkan dia sudah memenuhi janjinya selama ini untuk menunggu kepulangan Bee yang seterusnya akan meneruskan zuriat dan generasi mereka. Symbolisme dalam filem menggalakkan audiens menghargai penggunaan *props* dalam sesebuah adegan. Contohnya, sekeping ‘papan peringatan’ yang dicatatkan nama keturunannya menggariskan betapa pentingnya kelangsungan generasi bagi mendukung adat dan budaya yang selama ini menjadi amalan nenek moyang masyarakat Cina. Semiotik yang terikat dengan *props* walaupun klise, sesuai untuk memujuk audiens dipercayai bahawa pengarah memang mengetahui akan subjek arahnya. Tanpa kepercayaan ini, filem itu akan gagal kerana audiens menjadi kurang yakin dengan keaslian pengetahuan pengarah tentang subjeknya dan sangsi pada mesej yang ingin disampaikan, khususnya tentang kepentingan dan peranan agama dalam keluarga dan masyarakat secara umum. Dalam sebuah keluarga Cina di Malaysia, biasanya roh nenek moyang menjadi tumpuan pemujaan. Papan ini merupakan tumpuan penyembahan keluarga dan diletakkan di ruang tamu untuk semua keluarga. Setiap kali ada perubahan dalam keluarga, ketua keluarga seperti Uncle Chuan akan berterima kasih atau memohon pertolongan daripada moyang atas statusnya sebagai lelaki dan ketua keluarga yang memikul tanggungjawab bagi meneruskan generasinya.



Rajah 10 Uncle Chuan meletakkan jam tangan di atas almari. Turut kelihatan bekas abu dan papan peringatan

Seterusnya, subteks terhadap *props* juga terdapat pada minit 20:02 hingga minit 20:30. Kelihatan Uncle Chuan sedang membersihkan najis burung dengan mengeluarkan pelapik najis dari sangkar. Dia beranggapan Bee masih dalam tanggungjawabnya dan dia perlu menjaga Bee seperti menjaga seekor burung dalam sangkar. Sekuen seterusnya menunjukkan Uncle Chuan memandang dengan pandangan yang jauh ke hadapan dengan membelakangi burung yang berada di dalam sangkar. Subteks yang disampaikan ialah Uncle Chuan belum bersedia melepaskan Bee sebagai anaknya. Uncle Chuan beranggapan perjalanan Bee penuh dengan rintangan yang tidak diduga. Ia dilambangkan menerusi imej hutan belantara yang terdapat pada visual. Di akhir sekuen kelihatan Bee berada bersebelahan dengan sangkar, menunjukkan yang Bee sudah lama berada dalam keadaan bebas cuma Uncle Chuan sahaja yang belum bersedia menerima hakikat (Rajah 11). Perkahwinan dalam masyarakat Cina merupakan satu titik tolak yang membawa perubahan besar dalam kehidupan mereka.



Rajah 11 Sekuen yang menunjukkan Uncle Chuan dan Bee

Props paling ketara yang menyatukan semua subteks dan jalan cerita dalam filem ini ialah belon besar yang direka cipta dan dibina oleh kesemua watak filem tersebut iaitu daripada Benji, kawan-kawan Uncle Chuan hingga ke pelajar di sekolah Cina di perkampungan. Jelas bahawa subteks bahan pembinaan yang digunakan iaitu beg plastik terkumpul daripada jiran-jiran kawan Uncle Chuan dan

kerjasama antara semua kawan termasuk Benji dan Bee menekankan penyelesaian masalah konflik. Mesejnya ialah jika semua orang dapat menyetepikan perbezaan budaya, ras dan fahaman demi kepentingan semua orang, segala masalah dapat diselesaikan sehingga kemurungan kematian (tugas penerbangan belon ialah untuk menyembur sisa mayat terbakar Si Khinzir) pun dapat diatasi. Seperti yang dirumuskan oleh Vander Zanden (1963), asimilasi merupakan satu proses percantuman dan penyatuan antara kumpulan etnik berlainan budaya sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama. *Props* pelayaran dalam belon yang diambil oleh Uncle Chuan dan kawannya disokong oleh Benji dan anaknya Bee melambangkan pelayaran hidup seseorang yang tidak dapat ditentukan seperti pelayaran belon yang tidak dapat ditentukan tujuhnya sehingga tersangkut pada “pokok pondan.” Falsafah kehidupan yang disisip masuk dalam subteks menolong mengangkat tema filem ini ke tahap yang lebih universal.

Subteks melalui Set

Akhir sekali, subteks juga dapat dilihat pada set filem *The Journey*. Pada permulaan filem iaitu minit ke-11:26, Uncle Chuan menghalang Benji dari tidur sebilik dengan Bee. Uncle Chuan mengarah Benji untuk tidur di dalam bilik usang yang dikelilingi dengan gambar-gambar saudara dan nenek moyang yang sudah meninggal. Subteks yang dapat dilihat di sini ialah Uncle Chuan tidak menyenangi kehadiran Benji dan menghukumnya dengan meletakkan Benji di bilik tersebut. Kehadiran Benji tidak disambut dengan baik. Ia juga dapat dilihat apabila katil yang disediakan kepada Benji tidak dialas dengan cadar. Pada minit ke-13:03, Benji terhimpit apabila katil yang didudukinya terlipat (Rajah 12).



Rajah 12 Benji duduk di sebuah bilik usang bersama-sama dengan gambar-gambar orang yang sudah mati.

Subteks yang digambarkan ialah Benji sememangnya belum bersedia untuk mengenali Uncle Chuan. Keadaan Benji yang dihimpit oleh katil menunjukkan bahawa beliau berada dalam masalah bagi memenuhi hasratnya ingin berkahwin dengan Bee. *Props* gambar dalam bilik itu pula menunjukkan seolah-olah tindakan

Benji akan dikawal atau diperhatikan oleh Uncle Chuan yang mewakili tradisi nenek moyangnya. Selain itu, mesej dalam subteks melalui penggunaan set dan *props* ini sangat sesuai dengan adat tradisional masyarakat Cina yang percaya pada aspek spiritual dalam kehidupan mereka yang menjadi suatu pedoman tetapi selalu dianggap sebagai karut oleh generasi moden masa kini.

Latar lokasi dikelilingi pokok juga dapat ditafsirkan sebagai tempat untuk bernaung atau berlindung. Dialog yang mengatakan bahawa ‘pokok pondan sudah berbunga’ menunjukkan satu nilai budaya yang rasional akan dan boleh berubah demi kedamaian dan kebaikan kesemua orang (Rajah 13). Pokok itu juga seperti harapan terhadap adat yang tidak boleh dihilangkan sama sekali sebab ia membentuk identiti sesuatu individu dan masyarakat. Malah, pokok sebagai sesuatu simbol kehidupan itu menjadi titik mula Uncle Chuan dan kawan-kawannya mula mengenali antara satu sama lain. Subteks seperti ini memperkaya tema dan membangkitkan nostalgia dalam diri audiens tentang zaman kanak-kanak atau persekolahan.



Rajah 13 Pokok sebagai simbol perlindungan dan budaya

Ancaman pada budaya dapat juga ditafsir dalam set atau lokasi rumah Uncle Chuan yang berada di lereng bukit seolah-olah keteguhannya akan hilang pada bila-bila masa sahaja (rajah 14). Hal ini demikian kerana tiada sokongan oleh generasi muda akibat pelbagai fahaman dan amalan yang bertentangan dengan ‘ketimuran’ menjadi amalan generasi muda yang dianggap mereka lebih rasional dan terbuka berbanding amalan konvensional. Ia dapat dilihat menerusi watak Bee. Bee telah menganggap tindakan bapanya Uncle Chuan sebagai lapuk atau lama. Tindakan Bee menunjukkan bahawa generasi muda sekarang sudah mula memberontak dan tidak mahu mengikut adat yang dianggap konservatif.



Rajah 14 Lokasi rumah Uncle Chuan yang berada di lereng bukit

PENUTUP

Subteks dapat dilihat melalui *props*, set, syot filem dan kostum seterusnya dikaitkan dengan elemen naratif seperti tema, watak, perwatakan, latar dan sebagainya. Melalui analisis kesemua yang tersebut dalam teknik pembikinan filem *The Journey* jelas bahawa teknik-teknik asas yang digunakan oleh pengarah filem ini diteguhkan dengan penyampaian subteks yang tidak klise serta lucu, namun sarat dengan mesej pengajaran. Pemilihan *props* dan dialog juga membawa impak subteks yang membantu memperkayakan makna filem kepada masyarakat sejagat tanpa mengira perbezaan kaum atau agama. Jelas bahawa subteks filem ini merupakan satu elemen yang penting dalam pembikinan filem sebab ia mencabar audiens untuk memikir akan mesej dan ajaran yang ingin disampaikan melalui tema yang begitu patriotik dan klise. Elemen subteks ini dilakukan melalui kelucuan adegan yang menghiburkan dan peristiwa nostalgia yang dilalui oleh watak utama. Pemaparan falsafah umum melalui subteks yang bersesuaian dengan pelbagai kehidupan masyarakat menguatkan naratif keseluruhan filem, menyebabkan *The Journey* berjaya menarik minat audiens untuk menonton dan seterusnya mencapai kutipan *box-office* yang tinggi.

BIBLIOGRAFI

- David Boboulene. (2010). *The story book: Guidance for writers on story creations, optimisation & problem solution*. Victoria: Dream Engine Media LTD.
- Dick, Bernard F. (2005). *Anatomy of film (5th ed.)*. Boston, Mass: Bedford St. Martins.
- Dikotter Frank. (1992). *The discourse of race in modern China*. Redwood City. CA: Stanford University Press.
- Gaik Cheng, Khoo. (2014). Introduction: Theorizing different forms of belonging in a cosmopolitan Malaysia. In *Citizenship Studies*, Vol. 18, 2014–Issue 8. 791–806 | Received 03 Apr 2013. 18 Nov 2014. <http://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/13621025.2014.964542>
- Hassan Abdul Muthalib. *The Journey: A message for all Malaysians*. April 05: 2014, 8.04 MYT. <http://english.astroawani.com/opinion/journey-message-all-malaysians-33181>
- Jason J.Tomacic. (2008). *The power filmmaking kit*. London: Elsevier Inc.
- Lakshmi Srinivas. (2002). The active audience: Spectatorship, social relations and the experience of cinema in India. In *Media, Culture & Society*, Vol. 24: 155–173 [0163-4437(200203)24:2;155–173;020377] SAGE Publications (London, Thousand Oaks and New Delhi).
- Lee Yok Fee. (2003). *Dewan Budaya*.
- Lok Chong Hoe. (1998). *Tamadun Cina: Falsafah, pandangan dunia dan aspek-aspek kesenian*. Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan dan Pendidikan Komuniti.
- Marshall, Peter D. (2017). *Film directing tips, film making articles and online resources for the independent filmmaker*. <http://filmdirectingtips.com/archives/148>.
- Metz Christian. (1974). *Film language: A semiotics of the cinema*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Pat Murphy. (2007). *The wild girls: Children Novel*. New York: VIKING.
- Paul Clark. (2008). *The Chinese cultural revolution: A history*. New York: Cambridge University Press.
- Spengler Oswald. (1993). *A Me Stesso*. Milano: ADELPHI.
- Werner, Wirth, Matthias Hofer & Holger Schramm. (2012). Beyond pleasure: Exploring the eudaimonic entertainment experience. In *Human Communication Research*, Vol. 38, pp. 406–428. Switzerland & Germany: International Communication Association: University of Zurich, Switzerland 2 Department of Media and Business Communication, Institute of Human, Computer, and Media, University of Wurzburg.
- William R. Roof. (1967). *The origins of Malay nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Zahir Zainuddin. (2015). *Perkahwinan campur antara kaum Melayu dan kaum Cina, Baba Nyonya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.